

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING  
[BINTULU]**

**TARIKH : 15 DISEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' SERI TIONG KING SING [ BINTULU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status terkini dan perancangan terbaru Kerajaan terhadap projek Bandar Malaysia.

**JAWAPAN**

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Perjanjian *Restated and Amended Share Sale Agreement* (RASSA) bagi penjualan 60% saham Bandar Malaysia Sdn Bhd (BMSB) antara TRX City Sdn Bhd (TRXC) dan IWH CREC Sdn Bhd (ICSB) telah luput dan terbatal secara automatik pada 6 Mei 2021. Ia berikutan syarat-syarat terdahulu dalam perjanjian itu tidak dipenuhi oleh pihak-pihak berkenaan dalam tempoh yang telah ditetapkan.
2. Justeru, pihak TRXC sebagai sebuah syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang memegang 100% pemilikan BMSB kini sedang meneliti semula pelan pembangunan, model perniagaan (*business model*) dan strategi pengkomersilan sebelum melaksanakan proses pengkomersilan projek Bandar Malaysia secara telus pada tahun 2022. Ini termasuk mendapatkan pambida-pembida antarabangsa yang mampu memberi nilai tambah kepada pembangunan Bandar Malaysia itu sendiri.
3. Ini adalah selaras dengan prinsip pengurusan tadbir urus yang baik serta bersesuaian dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan daya maju projek dengan mengambil kira keadaan pasaran terkini, impak sosio-ekonomi akibat pandemik COVID-19 dan sentimen semasa pelabur.
4. Kementerian Kewangan dan TRXC akan memastikan pembangunan projek Bandar Malaysia kelak akan memberikan pulangan yang tinggi kepada pelaburan negara dan menambahkan nilai substantif kepada ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.